

Untuk meringankan beban

# Bayaran zakat: Kerajaan setuju cukai pendapatan dikecualikan

ALOR SETAR, Isnin

**TIMBALAN** Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad mengumumkan kerajaan telah bersetuju mengecualikan bayaran cukai pendapatan ke atas orang Islam yang membayar zakat mulai tahun ini.

Beliau berkata langkah itu diambil untuk meringankan beban kepada pembayar zakat yang selama ini terpaksa membayar cukai pendapatan dan juga zakat.

Menurutnya jumlah pengecualian itu mengikut zakat yang dikenakan ke atas mereka.

Dato Seri Dr. Mahathir mengumumkan demikian ketika ber-

ucap di Majlis perayaan Maulud Nabi di Maktab Pengajian Islam Kedah di Kodiang, 26 batu di sini hari ini.

Katanya, jika seseorang itu dikenakan cukai pendapatan \$500 dan taksiran zakat \$100, maka ia dikenakan bayaran \$400 sahaja cukai pendapatan.

Dalam soal membayar zakat itu, tegasnya, tidak seharusnya penanaman padi sahaja menanggung bebannya kerana mereka mempunyai tanggungan yang berat.

Sedangkan umat Islam lain menurutnya lagi mempunyai harta yang boleh ditafsirkan patutlah membayar zakat seperti yang dikehendaki oleh agama Islam.

Penafsiran zakat itu, ujarnya, akan dibuat oleh Jabatan Hal Ehwal Agama di negeri masing-masing dan pelaksanaannya boleh dijalankan dengan kerjasama Jabatan Cukai Hasil Dalam Ne-

geri. Beliau berharap seluruh umat Islam akan menerima tanggungjawab mereka dengan membayar zakat kegiatan agama Islam dalam negeri ini.

Dato Seri Dr. Mahathir menjelaskan, walaupun pengecualian itu dikenakan kepada orang Islam yang membayar zakat tetapi jumlah pembayaran mereka adalah sama dengan pembayar cukai bangsa lain.

Timbalan Perdana Menteri menyeru seluruh umat Islam supaya mencontohi perjuangan Nabi dan sahabatnya sebagai panduan hidup di dunia ini.

Dengan berbuat demikian umat Islam akan pasti berjaya di dalam menghadapi sebarang cabaran demi memper-tahankan kesucian agama Islam dari ancaman komunis.

Dato Sri Dr. Mahathir mengingatkan umat Islam hendaklah berwaspada dari ancaman itu kerana mereka sentiasa berusaha untuk menghancurkan kepercayaan agama Islam.

Kata beliau masjid-masjid dijadikan muzium di negara yang telah jatuh di tangan komunis.

Dato Seri Dr. Mahathir juga telah menyampai-kan sumbangan 174 buah kerusi-meja bernilai \$6 ribu kepada Pengerusi Maktab Pengajian itu, Haji Ahmad bin Othman.



DATO SERI DR. MAHATHIR

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia